



JABATAN KERETAPI NEGERI SABAH
No.1 Jalan Aeropod, Off Jalan Kepayan
88200 Kota Kinabalu, Sabah.
Tel: 088-279300 Faks: 088 - 279321



**BORANG PERMOHONAN UNTUK MELAKUKAN PENGGAMBARAN
DI KAWASAN/PREMIS JABATAN KERETAPI NEGERI SABAH**

NAMA PEMOHON / SYARIKAT					
ALAMAT PEMOHON					
JENIS PENGGAMBARAN		DOKUMENTARI / FILEM / KOMERSIAL / GAMBAR KAHWIN / PERAGAAN MODEL / LAIN - LAIN :			
LOKASI PENGGAMBARAN			NO TELEFON		
TARIKH DAN MASA DIPILIH Nota: Sila pilih masa berdasarkan jadual yang telah ditetapkan di dalam peraturan yang dilampirkan bersama.		TARIKH	MASA MASUK	MASA KELUAR	
TANDATANGAN & COP PEMOHON					
BERIKUT ADALAH UNTUK KEGUNAAN PEJABAT SAHAJA					
TARIKH TERIMA		RUJUKAN		CAJ BAYARAN	RM _____
DITERIMA OLEH		 UNIT KOMUNIKASI & PEMBANGUNAN KORPORAT			
DISAHKAN OLEH		 KETUA UNIT KOMUNIKASI & PEMBANGUNAN KORPORAT			
STATUS PERMOHONAN		DILULUSKAN / TIDAK DILULUSKAN			
TANDATANGAN PENGARAH & COP RASMI JABATAN		 (DATUK Ir. Ts. PHILEMON LAJAWAI)			

**PERATURAN-PERATURAN DAN CAJ PENGGAMBARAN
DI PREMIS JABATAN KERETAPI NEGERI SABAH**

1. Setiap individu / kumpulan yang memasuki kawasan Jabatan Keretapi Negeri Sabah untuk tujuan penggambaran hendaklah mengisi dan menghantar borang permohonan sekurang-kurangnya **tiga (3) hari (waktu bekerja)** sebelum aktiviti penggambaran dilakukan. Sekiranya permohonan tersebut dikemukakan kurang daripada waktu yang diberikan, caj tambahan sebanyak **30% daripada caj biasa** akan dikenakan.
2. Caj bayaran adalah berdasarkan kategori seperti berikut:-

BIL	KATEGORI	CAJ BAYARAN	CAJ PELAJAR (20% DISKAUN)
1	Penggambaran Drama / Dokumentari / Filem / Iklan / Komersial	RM100.00/jam	RM80.00/jam
2	Gambar Kahwin	RM70.00/jam	RM56.00/jam
3	Model / Peragaan	RM50.00/jam	RM40.00/jam
4	Lain-lain	RM30.00/jam	RM24.00/jam

3. Pembayaran boleh dibuat secara **tunai** di **kaunter Unit Hasil, Tingkat 4, Bahagian Akaun, JKNS** semasa hari bekerja (Isnin-Jumaat) atau **secara pindahan wang dalam talian (*online transfer*)** ke akaun berikut:

No. akaun : **10196-0-01-002530-1**
Nama akaun : **Jabatan Bendahari Negeri Sabah**
Nama bank : **Alliance Bank**
Ref 1 : **JKNS - 77108**

Nota: Sila hantar resit pemindahan secara atas talian (PDF/Gambar) kepada pegawai yang bertugas atau ke emel: **korporat.keretapisabah@gmail.com** untuk rujukan JKNS

4. Segala pembayaran yang telah dibuat adalah muktamad dan tidak boleh dikembalikan (*non-refundable*).



*Jabatan Keretapi Negeri Sabah
Moving Towards Change*

5. Hari dan waktu yang dibenarkan adalah seperti berikut:-

HARI	PAGI	PETANG
Isnin	8.00 Pagi – 1.00 Tgh/hr	2.00 – 5.00 Petang
Selasa	8.00 Pagi – 1.00 Tgh/hr	2.00 – 5.00 Petang
Rabu	–	2.00 – 5.00 Petang
Khamis	8.00 Pagi – 1.00 Tgh/hr	2.00 – 5.00 Petang
Jumaat	8.00 Pagi – 1.00 Tgh/hr	2.00 – 5.00 Petang
Sabtu	8.00 Pagi – 1.00 Tgh/hr	–
Ahad	8.00 Pagi – 1.00 Tgh/hr	2.00 – 5.00 Petang

6. Sebarang aktiviti penggambaran di luar waktu yang telah ditetapkan di atas hendaklah dipohon terlebih dahulu berserta **sebab** bagi mendapatkan kebenaran dan persetujuan rasmi daripada Jabatan Keretapi Negeri Sabah.
7. Sekiranya terdapat sebarang pertukaran tarikh atau waktu penggambaran, hendaklah dimaklumkan kepada pihak Jabatan Keretapi Negeri Sabah **sekurang-kurangnya satu (1) hari** sebelum tarikh penggambaran.
8. **CAJ PENUH** akan dikenakan sekiranya pertukaran masa penggambaran dibuat pada saat-saat akhir tanpa mengikut peraturan atau kebenaran yang diberikan oleh Jabatan Keretapi Negeri Sabah.
9. Pihak Jabatan Keretapi Negeri Sabah berhak untuk **membatalkan** aktiviti penggambaran sekiranya terdapat pelanggaran atau ketidakpatuhan terhadap arahan/kebenaran/peraturan/undang-undang yang telah ditetapkan.
10. Individu / Kumpulan tersebut hendaklah dipantau oleh sekurang-kurangnya seorang kakitangan dari Bahagian Lalulintas ataupun Pengawal Keselamatan yang bertugas.
11. Setiap individu / kumpulan hanya dibenarkan untuk mengambil gambar di sekitar platform stesen-stesen keretapi, gerabak dan jentera kereta api, dan ibu pejabat sahaja. Kawasan bengkel depoh dan sebarang kawasan lain yang tidak disebut adalah **KAWASAN LARANGAN**.



*Jabatan Keretapi Negeri Sabah
Moving Towards Change*

12. Penggambaran yang dilakukan adalah atas risiko dan tanggungjawab setiap individu / kumpulan tersebut. Pihak Jabatan Keretapi Negeri Sabah tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan barang atau kemalangan yang berlaku semasa penggambaran dilakukan.
13. Semasa berada di kawasan Jabatan Keretapi Negeri Sabah, individu / kumpulan hendaklah:-
- a) Tidak membuat bising;
 - b) Berkelakuan sopan;
 - c) Berpakaian sopan;
 - d) Menjaga dengan baik infrastruktur dan harta benda kepunyaan Jabatan Keretapi Negeri Sabah;
 - e) Tidak membuang sampah di merata-rata tempat;
 - f) Tidak menanggalkan atau mengalihkan tanda nama atau sebarang objek kepunyaan Jabatan Keretapi Negeri Sabah; dan
 - g) Mematuhi syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh JKNS dari semasa ke semasa.
14. Tujuan penggambaran hendaklah dinyatakan di dalam borang yang telah disediakan. JKNS berhak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap individu / kumpulan yang mengiklankan atau menjual gambar-gambar atau video tanpa kebenaran Jabatan Keretapi Negeri Sabah.
15. Sebelum meninggalkan kawasan Jabatan Keretapi Negeri Sabah, individu / kumpulan hendaklah menandatangani buku rekod keluar/masuk dan menjelaskan baki bayaran (sekiranya ada).
16. Sekiranya terdapat individu / kumpulan yang melanggar peraturan ini mahupun undang-undang yang telah ditetapkan oleh Jabatan Keretapi Negeri Sabah, pihak Jabatan Keretapi Negeri Sabah berhak untuk mengambil tindakan undang-undang ataupun yang difikirkan perlu terhadap individu / kumpulan tersebut.


Arahan daripada:

Pengarah
Jabatan Keretapi Negeri Sabah



Jabatan Keretapi Negeri Sabah
Moving Towards Change

CARTA ALIR PERMOHONAN PENGGAMBARAN DI JABATAN KERETAPI NEGERI SABAH



*Jabatan Keretapi Negeri Sabah
Moving Towards Change*